

UMNO hancur kedua kali jika pemimpin terlalu ghairah — Dr.M

② U.M. = 7 NOV 1992

LAPORAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1992 Oleh: Rosli Ismail, Rozaid Abdul Rahman, Badrul Azhar Rahman, Razak Rashid, Zaid Zain, Hanafiah Man, Mohd Kamil Yusof, Zulkifli Abdullah, Zulkefli Hamzah, Zuikiflee Bakar, Wahid Hashim, Rozaman Ismail dan Baharom Mahusin.

GAMBAR-GAMBAR Oleh: Azlan Naim, Mustapha Kamal, Zakaria Nor, Hanafi Khamis, Kadir Bochok dan Ishak Rahmat.

KUALALUMPUR 6 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa parti akan hancur untuk kali kedua selepas peristiwa hitam 1987 jika ada pemimpin yang terlalu ghairah untuk mendapatkan kedudukan menjelang pemilihan pucuk pimpinan tahun depan.

"Kita hanya mempunyai seorang sahaja Presiden dan seorang Perdana Menteri. Walaupun kita mempunyai seratus orang yang berbakat, cuma satu sahaja yang akan mendapat kerusi ini sembilan puluh sembilan lagi akan gagal," kata Presiden UMNO itu.

Menegaskan demikian ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO 1992 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Dr. Mahathir berkata, jika pertandingan menjadi terlalu sengit, kejayaan tidak akan membawa sebarang erti.

Katanya, presiden sebuah parti yang pecah-belah dan lemah tidak mungkin menjadi Perdana Menteri yang berwibawa dan dihormati.

"Lebih dari itu, menjadi pemimpin parti yang tidak bermaya tidak ada faedahnya," tambah Dr. Mahathir.

Sambil mendapat tepukan gemuruh daripada para perwakilan, Dr. Mahathir menegaskan bahawa orang lain akan menih

keuntungan daripada ketamakan pemimpin-pemimpin tertentu dalam UMNO.

Katanya, lebih kuat orang-orang yang tamak ini berkempen, terutamanya jika menggunakan taktik buruk, lebih mungkin mereka ini tidak sesuai menjadi pemimpin.

Menjelaskan inti ucapannya dalam sidang akhbar khas selepas itu, Dr. Mahathir berkata, adalah tidak benar bahawa ingatan yang beliau bangkitkan dituju kepada apa yang disifatkan sebagai 'kern Anwar Ibrahim' dan 'kern Ghafar Baba'.

"Sebenarnya tidak ada... tidak ada apa yang disebut kern Anwar atau kern Ghafar kerana puak seperti itu tidak wujud dalam UMNO.

"Apayang saya maksudkan ialah individu-individu tertentu yang mahu mencapai kepentingan tertentu dalam UMNO," kata Dr. Mahathir.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir menarik perhatiannya, dalam UMNO, demokrasi memang berjalan baik tetapi haruslah diingat bahawa demokrasi hanyalah alat untuk memberi keadilan kepada rakyat daripada sistem-sistem yang lain.

Pada tahun 1987, katanya, UMNO telah melalui sejarah hitam kerana ingim merebut tempat dalam parti.

"Jangan sekali-kali kita lupakan peristiwa 1987. Pada

tahun itu parti diharamkan. Jika peristiwa yang sama berlaku sekali lagi, mungkin parti tidak akan dapat dipulihkan semula," ujarnya.

Ahli-ahli UMNO juga, kata Dr. Mahathir, mestilah ingat, jangan sampai mereka dipergunakan oleh pihak tertentu dengan wang dan emosi.

Beliau berkata, bagi orang seperti ini, yang diutamakan bukan lagi kebaikan parti dan perjuangannya tetapi ketamakan individu sehingga perasaan telah dibakar sehingga ahli-ahli parti berpecah dan bermusuhan sesama sendiri.

"Dan apabila keputusan dibuat, pihak yang gagal tidak mahu menerima keputusan tersebut lalu UMNO diheretkan ke mahkamah dan diharamkan," kata beliau.

Serpihan

Menurutnya, apabila UMNO baru ditubuhkan untuk menggantikan UMNO yang diharamkan, pihak tertentu ini telah menubuh parti serpihan dan bersubhat pula dengan parti lawan untuk menjatuhkan UMNO baru.

Ini terjadi, menurut tafsiran Dr. Mahathir, adalah kerana demokrasi telah disalahertikan dan disalahgunakan.

"Sekarang, apakah kita yang bertungkus lumus menghidupkan semula UMNO sudah mengambil iktibar daripada peristiwa ini?"

"Saya ingin berkata 'Ya' tetapi hakikatnya ialah masih ada yang belum.

"Untuk pemilihan peringkat cawangan dan bahagian, kempen yang tidak sihat telah dijalankan dan kemudahan kerajaan kadang kala digunakan untuk mendapat sokongan bagi diri sendiri.

"Lawatan-lawatan ke luar negeri dianjurkan dan dibiayai untuk maksud yang sama," kata beliau.

Buku pula, katanya, dicetak untuk memburuk-burukkan pemimpin tertentu.

Orang-orang tertentu, kata Dr. Mahathir, mencipta isu-isu yang kemudiannya digunakan oleh pengikut mereka untuk memburuk-burukkan usaha baik yang telah menjayaka negara dan bangsa sendiri.

Akhirnya, kata beliau, wang yang masih banyak ditaburkan untuk merah sokongan.

Semuaini berlaku, katanya, kerana ada yang berpendapat bahawa jika mereka tidak memperoleh sesuatu, calon lain juga tidak harus memperolehinya.

"Orang seperti ini sudah pernah kita saksikan dan mereka sanggup bekerja dengan parti lawan semata-mata untuk mengalahkan parti sendiri hanya kerana mereka tidak mendapat apa yang mereka kejar," kata beliau.

Orang seperti ini, menurut Dr. Mahathir, lebih buruk daripada seorang musuh. Mereka ini mengkhianati perjuangan parti sendiri dalam.

Beliau juga kesal kerana kini, surat layang yang mengandungi fitnah dan butir-butir rahsia parti telah kembali menjadi mainan kempen.

Diminta menjelaskan betapa seriuskah permainan surat layang ini ketika sidang akhbar, beliau berkata, apa yang UMNO tidak puas hati ialah ia disebarkan secara meluas dan menggunakan wang.

Katanya, surat layang ini tidaklah begitu serius tetapi mengingatkan bahawa semua perkara buruk bermula dari perkara yang kecil.